

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 MEI 2015 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	NICE2015: Program Inovasi sosial jadi tumpuan	Utusan Malaysia
2	Where inventive minds connect	The Star

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 15 MEI 2015 (JUMAAT)

NICE 2015: Program inovasi sosial jadi tumpuan

PUTRAJAYA 14 Mei - Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (NICE) 2015 yang akan berlangsung dari 21 hingga 23 Mei ini akan memberi tumpuan kepada program inovasi sosial, selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pembekal teknologi menjelang 2020.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin berkata, pihaknya mahu usaha pengkomersialan produk berdasarkan teknologi luar bandar dikenali dan yang lebih penting para pencipta akan mendapat pulangan menguntungkan.

Sehubungan itu katanya, kementerian sedang menggandakan program galakan bagi syarikat dan individu yang terlibat dalam aktiviti inovasi untuk menjalankan pelbagai penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan.

"Jika tahun lalu kita berjaya menghasilkan 65 produk inovasi berbanding 60 yang disarkana, kita yakin tahun ini juga akan mencapai sasaran ditetapkan.

"Peruntukan RM20 juta bagi program inovasi akan disalurkan kepada pencipta di luar bandar supaya dapat memberi faedah sosial berganda kepada negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis Apresiasi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi tahun 2015, di sini hari ini.

Yang turut hadir, timbalannya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah dan Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur.

Dalam majlis itu, seramai 348 warga kementerian diberi pengiktirafan atas sumbangan perkhidmatan yang cemerlang sepanjang 2014.

Ewon berkata, NICE 2015 yang bertemakan 'Melangkaui Inovasi' itu akan menyaksikan pelbagai jenis pameran hasil penyelidikan, kreativiti dan inovasi oleh pelbagai pihak yang berpotensi meningkatkan pendapatan negara selepas melalui proses pengkomersialan.

Menurutnya, selain pameran, tumpuan pengunjung dan penggiat inovasi serta reka cipta adalah pada program perbincangan dan forum yang akan disertai oleh individu, komuniti, kerajaan, pertubuhan dan syarikat swasta dalam dan luar negara.

Beliau berkata, NICE 2015 yang berakhir pada 23 Mei itu akan ditutup secara rasmi oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Terdahulu Ewon dalam ucapannya berkata, kementerian yang baru melaksanakan penstrukturkan semula tanpa melibatkan pertambahan jawatan diyakini terus menjadi peneraju bidang sains, teknologi dan inovasi (STI).

"Saya yakin penstrukturran itu tidak menjadi halangan untuk warga kementerian terus cemerlang. Saya menyeru semua ketua bahagian di kementerian dan jabatan meningkatkan kemahiran dalam melakukan sebarang tugas," katanya.



EWON EBIN

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
STARMETRO (EVENT) : MUKA SURAT 21
TARIKH: 15 MEI 2015 (JUMAAT)**

Where inventive minds connect

Exhibition's 26th edition to showcase over 1,000 ideas from 21 countries

By RUBY LIM
rubylim@thestar.com.my



THE International Invention and Innovation Exhibition (Itex) 2015 returns for its 26th edition to showcase interesting inventions, innovations and technologies.

To be held from May 21 to 23 at the Kuala Lumpur Convention Centre, Asia's leading innovation exhibition will feature more than 1,000 inventions from 21 countries including for the first time, Moldova.

A total of 70% participation are open to those from local research and education institutions, corporations as well as individuals.

"From just 50 inventions when it first started, there are now a thousand inventions today."

"It is a reflection that there are many potential inventors, especially among Malaysians," said Malaysian Invention and Design Society (MINDS) president Emeritus Prof Tan Sri Dr Augustine Ong.

Itex provides a platform for inventors and researchers to showcase their inventions with the aim of commercialising them and is organised by MINDS and managed by C.I.S Network Sdn Bhd.

This year, the exhibition will cover 24 categories of new innovations, concepts and applications with more than 100 local and international industry professionals as judges.

The Malaysian Young Inventors Exhibition (MYIE) 2015 and Asian Young Invention (AYIE) 2015 are also part of Itex and allows young inventors below 20 years old to showcase their winning innovations as well as meet like-minded young investors and their mentors from across the world. MYIE 2015



will feature 91 participants representing 14 states whose inventions were shortlisted from 289 submissions in the national-level Malaysia Young Investors Competition (MYIC), with the top 10 winners competing in AYIE 2015 at the international level.

Also to be held together with Itex is the National Innovation Conference and Exhibition (NICE) 2015, themed 'Beyond Innovation', which comprises a conference, exhibition, product demonstrations, business matching sessions, sale of research and development products as well as honouring those who achieved remarkable excellence in innovation locally through various innovation awards.

In addition, Itex 2015 includes the Intellectual Property and Innovation (IPI) seminar and Inventors Meet Investors programme to encourage the formation of closer linkages and networking between investors and inventors through business matchmaking.

All inventions and innovations in Itex 2015 will be vying for top awards in the Invention and Design competition such as the Science, Technology and Innovation Ministry Patron Awards, Itex 2015 Awards, Itex 2015 Best Innovations, MYIE 2015 Awards, IFIA Invention Glory Medals, Malaysia Innovative Product Awards 2015 and the most prestigious – Asian Invention Excellence Award 2015 – which will be awarded during Malam Budaya Gipta on May 22.

"We hope more students will visit the exhibition so they will get started on their journey to inventiveness and creativity from a young age," said C.I.S Network Sdn Bhd president Datuk Vincent Lim, adding that they were expecting 15,000 visitors.

The three-day exhibition is open from 10am to 6pm on May 21 and 22, and 10am to 4pm on May 23. Admission is free.

For details on the exhibition, visit www.itex.com.my

Inspiring inventors:
Ong (right) and Lim showing the MINDS Commemorative Book entitled 'Transformation through Invention', which was launched last year, at the Itex 2015 press conference at Kuala Lumpur Convention Centre.

flavours
The picnic ideas

Discover unexpected flavours for an unexpected day out.

There's always something delicious to discover on every page.
Get your copy of Flavours magazine today at major bookstores.

www.flavoursmagazine.com